

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

JABATAN PERSURATAN MELAYU
UNIVERSITI KEERANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1983

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN:
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

OLEH

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1982/1983

istimewa buat:

ayah yang dah pergi;
ibu yang tak jemu-jemu
mendoakan kejayaanku;

isteri yang begitu memahami
serta anak-anak
yang belum mengerti
dan

adik-adik yang masih lekakan
keagungan syurga dunia.

apo na? dikato

pai pohan nãe? bosika

toñah aŷi toñah panah

apo dayo mōtoñ gotah

apo nã? dikato

kalau boleh nã? jadi ce?gu s^okolah

ke? kolo pilah

sawah leba kobau baña?

ae pigi sojo? sokali

supi sopi ta?do oŷaŷ

apo nã? dikato

kalau boleh nã? biseñ-biseñ

mācam pohan tampen

tana? nãsi? boŷeh kampon

māsa? lomã? cili api

māsen padi ta?do lai

apo nã? dikato

ŷamãĩ oŷaŷ dah koŷo kilan

ke? pohan soŷomban

batu ŷampe? tolo? komāñ

tampe? oŷaŷ māndi-māndo

aŷi minggu ponoh sosa?

apo mā? dikato

ae laot botambah māsen

ke?pohan po? de?sen

PENGHARGAAN

Bismilla - hirrahma - Nirrahim

Terlebih dahulu yang mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah melimpahkan taufik dan hidayat-Nya sehingga dapat saya sempurnakan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih serta terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Farid M. Onn, Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, kerana sudi menjadi penyelia serta pembimbing saya didalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar serta pandangan telah saya gunakan sepenuhnya di dalam kajian ini. Mudah-mudahan, segala jasabaik akan saya hargai dan menjadi kenangan di sepanjang hayat.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling, Rembau, yang telah memberikan kerjasama yang begitu

menggalakkan di dalam usaha saya untuk memperolehi daftar kata dialek ini untuk kajian ini. Kepada Ketua Kampung, Kampung Tanjung Keling, Encik Mohd. Lazim, lebih-lebih lagi ibu penulis, Hasnah bt. Malek, serta nenda penulis sendiri, Mendek bt. Hj. Hassan, yang telah banyak membantu penulis terutama di dalam usaha mengumpulkan daftar kata dialek kajian ini. Juga, kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Rembau yang telah turut memberikan kerjasama, saya ucapkan terima kasih. Semoga budi baik kalian akan diberkati Allah jua.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan khusus untuk isteri saya, Hayati bt. Ismail serta anak-anak, Hasfariza dan Hasyima, yang begitu bersimpati ketika menghasilkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Abu Hassan b Mohd Yusof,
K9B-112, Komsis 'C',
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

24 Januari, 1983.
10 Rabiul-Awal, 1403.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan ..	...	1
1.2	Penggolongan Dialek	...	2
1.3	Dialek Kajian	...	5
1.4	Kawasan Kajian	...	8
1.5	Pengumpulan Data	...	9
1.6	Masalah Kajian <i>"Kandungan"</i>	...	11
1.7	Tujuan Kajian	...	13
1.8	Organisasi dan Abreviasi	...	16
NOTA		...	19

BAB 2FONOLOGI

2.0	Definisi	..	..	..	..	21
2.1	Inventori Konsonan	..	..	..	..	23
2.1.1	Plosif	..	..	..	..	25
2.1.2	Afrikat	..	..	..	..	29
2.1.3	Nasal	..	..	..	..	30
2.1.4	Lateral	..	..	..	..	33
2.1.5	Frikatif	..	..	..	..	34
2.1.6	Frikatif Alveolar	..	..	..	..	37
2.1.7	Hentian Glotis	..	..	..	..	38
2.1.8	Frikatif Glotal	..	..	..	..	39
2.1.9	Separuh Vokal	..	..	..	..	42
2.2	Konsonan Pinjaman			..	..	44
2.3	Inventori Vokal	..	..	..	..	47
NOTA	..	..	..	..	..	59

BAB 3MORFOLOGI

3.0	Pendahuluan	..	..	..	..	60
3.1	Kata Akar	..	..	..	..	62

3.1.1	Kata Akar yang Monosilabik	..	64
3.1.2	Kata Akar yang Bisilabik	..	64
3.1.3	Kata Akar yang Trisilabik	..	67
3.1.4	Kata Akar yang 4 Silabik	..	68
3.2	Kata Partikel		70
3.2.1	Kata Bilangan		71
3.2.2	Pengkuantitian		72
3.2.3	Interogatif		72
3.2.4	Kata Penghubung		73
3.2.5	Preposisi		74
3.2.6	Negatif		75
3.2.7	Emfatik		76
3.2.8	Afirmatif		77
3.2.9	Interjeksi		77
3.3	Imbuhan		78
3.3.1	Awalan		79
3.3.1.1	Awalan [pɔŋ]		79
3.3.1.2	Awalan [mɔŋ]		81
3.3.1.3	Awalan [bɔ]		82
3.3.1.4	Awalan [tɔ]		83
3.3.1.5	Awalan [di]		84
3.3.1.6	Awalan [sɔ]		86

3.3.2	Akhiran	..	...	87
3.3.3	Imbuhan Terbahagi		...	88
3.4	Kesimpulan	..	...	90
NOTA	..	..	..	91

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1	Proses-Proses Fonologi	...	92
4.1.1	Pengguguran - ɔ	...	92
4.1.2	Penyisipan - ɔ	...	96
4.1.3	Metatesis	..	97
4.1.4	Nasalisasi	..	100
4.1.5	Palatalisasi dan Labialisasi		105
4.1.6	Penyisipan Glotis	...	109
4.2	Proses-Proses Morfologi	...	110
4.2.1	Afiksasi(Pengimbuhan)	...	111
4.2.2	Reduplikasi(Pengimbuhan [?])	...	119
4.2.3	Proses Pemendekan Kata	...	123
4.3	Morfofonemik	..	125
4.4	Kesimpulan	..	126
NOTA	...	..	128

BAB 5DNS dan BMS: SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1	Pendahuluan	..	...	130
5.2	Konsep Dialek dan Bahasa Standard			131
5.3	Perbandingan Antara DNS dan BMS			133
5.3.1	Fonologi	..	...	133
5.3.1.1	Penyebaran Konsonan		...	134
5.3.1.2	Penyebaran Vokal		...	137
5.3.1.3	Urutan Vokal	..	...	140
5.3.2	Morfologi	..	...	143
5.3.3	Kata-Kata Daerah		...	147
NOTA	...	..	...	150

BAB 6

PENUTUP	..	..	...	151
NOTA	...	..	...	156

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1. Proses-Proses Fonologi

4.1.1. Pengguguran - O

Di dalam proses fonologi DNS, terdapat satu jenis atau bentuk pengguguran: pengguguran wajib. Pengguguran secara wajib berlaku di dalam dua keadaan. Pertama, apabila awalan [so] diimbuhkan dengan kata akar yang berawal dengan sebarang fonem vokal, maka fonem 'O' selepas konsonan 's' akan gugur. Pengguguran ini diwajibkan bagi mengelakkan daripada wujudnya urutan dua bunyi vokal yang berdampingan. Misalnya:

/so - ike/	[sike]	'seekar'
/so - inggit/	[singgit]	'seringgit'
/so - elɔ/	[sɛlɔ]	'seela'
/so - ɛkɔ/	[sɛkɔ]	'seekor'
/so - ulɛh/	[sulɛh]	'seulas'
/so - utɛh/	[sutɛh]	'seutas'

/so - oʔaŋ/	[soʔaŋ]	'seorang'
/so - olai/	[solai]	'sehelai'
/so - ajah/	[sajah]	'seayah'
/so - anak/	[sanaʔ]	'seanak'

Pengguguran - ɔ (i)

$$\text{ɔ} \longrightarrow \emptyset / \# s _ \begin{matrix} \text{V} \\ \text{[stem]} \end{matrix}$$

Keadaan kedua ialah apabila imbuhan awalan [kɔ] 'ke' diimbuhkan dengan kata akar yang berawalkan fonem atau segmen vokal.

/kɔ - atəh/	[kətəh]	'ke atas' ¹
/kɔ - utan/	[kutan]	'ke hutan'
/kɔ - onam/	[konam]	'keempat'
/kɔ - ətəh/	[kətəh]	'ke atas'
/kɔ - ulu/	[kulu]	'ke hulu'
/kɔ - ile/	[kile]	'ke hilir'

Pengguguran - ɔ (ii)

$$\text{ɔ} \longrightarrow \emptyset / \# k _ \begin{matrix} \text{V} \\ \text{[stem]} \end{matrix}$$

Berdasarkan rumus pengguguran- ɔ (i) dan (ii) di atas, dapat dihasilkan rumus pengguguran- ɔ secara wajib sebagai berikut:

Pengguguran - ɔ (WAJIB)

$$\text{ɔ} \longrightarrow \emptyset / \left\{ \begin{matrix} s \\ k \end{matrix} \right\} - \text{ }^{\text{v}} \text{[stem]}$$

Sebaliknya, hal seperti ini tidak pula berlaku ke atas kata-kata yang berawalkan segmen konsonan. Tegasnya, vokal ' ɔ ' sama ada selepas 's' atau pun selepas 'k' tetap dikekalkan apabila awalan [sɔ] dan [kɔ] diimbuhkan dengan kata-kata akar yang berawal dengan fonem konsonan.

/sɔ - buah/	$\text{[sɔbu}^{\text{w}}\text{ah]}$	'sebuah'
/sɔ - gumah/	$\text{[sɔgum}^{\text{h}}\text{ah]}$	'serumah'
/sɔ - tokoj/	[sɔtokoj]	'seketul'
/sɔ - kopej/	[sɔkopej]	'sekeping'
/kɔ - bayoh/	[kɔbayoh]	'ke baruh'
/kɔ - laman/	[kɔlaman]	'ke halaman'

Begitu juga, vokal ' ɔ ' selepas fonem 'm' dalam awalan [mɔj] 'meng' akan dikekalkan

penyebutannya, seperti:

/mɔŋ - ɔntam/	[m̃ɔŋɔ̃ntam]	'menghentam'
/mɔŋ - ʝɔmput/	[m̃ɔŋɔ̃mput]	'menjemput'
/mɔŋ - ɔntɔʔ/	[m̃ɔŋɔ̃ntɔʔ]	'mendiamkan'
/mɔŋ - sɔmak/	[m̃ɔŋɔ̃mǎʔ]	'menyenak'
/mɔŋ - baco/	[m̃ɔm̃āco]	'membaca'
/mɔŋ - pɔcut/	[m̃ɔm̃ɔ̃cut]	'memecut'

Dalam hal ini vokal 'ɔ' adalah wajib dikekalkan. Jika 'ɔ' selepas 'm' itu hendak digugurkan, ia kena digugurkan bersama-sama 'm' sekali. Dengan kata lain, [mɔ] 'me' kena digugurkan jika hendak digugurkan vokal 'ɔ' itu. Ini kerana [mɔ] pada awal imbuhan [mɔŋ] adalah opsional. Ertinya, ia boleh ditiadakan ataupun diwujudkan di dalam pertuturan dialek ini. Ertinya, bagi kata 'menjemput', mengikut dialek ini boleh diucapkan sama ada sebagai [m̃ɔŋɔ̃mput] atau [ŋɔ̃mput] sahaja tanpa mengubah maknanya. Begitu juga dengan kata 'membaca' dan 'mendarat' masing-masing boleh diucapkan sebagai [m̃ɔm̃āco], [m̃āco], [m̃ɔñāʔɛʔ] ataupun [ñāʔɛʔ]. Begitu jugalah dengan kata-kata lain yang menerima imbuhan [mɔŋ] boleh diucapkan dengan cara-cara yang telah dihuraikan di atas.

4.1.2. Penyisipan - ɔ

Proses ini agak bertentangan dengan proses yang telah dibincangkan di atas. Sebenarnya, dalam dialek ini, proses penyisipan 'ɔ' ini juga adalah juga opsional. Dengan kata lain, satu-satu kata khususnya yang monosilabik, apabila menerima imbuhan [mɔŋ] 'meng' boleh diucapkan dengan atau tanpa penyisipan vokal 'ɔ'.

Misalnya:

/mɔŋ - cat/	[mɔŋɔcat]	[mɔŋcat]
/mɔŋ - lap/	[mɔŋɔlap]	[mɔŋlap]
/mɔŋ - pam/	[mɔŋɔpam]	[mɔŋpam]
/mɔŋ - tut/	[mɔŋɔtut]	[mɔŋtut]

Penyisipan - ɔ : OPSIONAL

$$\emptyset \longrightarrow \text{ɔ} / \neq \text{mɔŋ} - \overline{\text{[stem]}}$$

[Rumus ini hanya sesuai untuk kata
MONOSILABIK sahaja]

Walau bagaimanapun, terdapat juga penyisipan 'ɔ' yang berstatus wajib. Ini berlaku terutama apabila velar

[ŋ] diikuti oleh sama ada nasal 'n' atau plosif 't'.

Misalnya:

/boɣnəŋ/	[boɣɔnəŋ]	'bernang'
/boɣnəh/	[boɣɔnəh]	'bernas'
/boɣtam/	[boɣɔtam]	'bertam'

Kata-kata yang memerlukan penyisipan 'ɔ' secara wajib dalam dialek ini agak terhad bilangannya. Ini kerana kebanyakan kata dasar yang mengandungi urutan bunyi 'ɔɣ' menjadi [ɔ], misalnya /kɔɣbau/ menjadi [kɔbau], /jɔɣnəh/ menjadi [jɔnəh] 'jernih', /mɔɣbuk/ menjadi [mɔbo?] 'merbuk' dalam dialek ini. Bagaimanapun, rumus penyisipan 'ɔ' secara wajib ialah:

Penyisipan - ɔ : WAJIB

$$\emptyset \longrightarrow \text{ɔ/ɣ} - \left\{ \begin{matrix} n \\ t \end{matrix} \right\}$$

4.1.3. Metatesis

Di samping gejala-gejala yang dialami di atas, terdapat satu perkara lagi yang berlaku dalam fonologi DNS, iaitu proses metatesis.² Dalam dialek ini umpamanya, terdapat kata-kata seperti [gɔti] 'erti',

[gode?] 'herdik', [gotɔ] 'harta', dan [gogɔ] 'harga'.

Sayugia dinyatakan bahawa memang agak sukar untuk menentukan bentuk dasar bagi kata-kata itu. Bagaimanapun, penulis beranggapan dan berpendapat bahawa bentuk dasarnya adalah sebagai berikut dan prosesnya pula mengikut peringkat ini:

<u>Peringkat 1</u>	<u>Peringkat 2</u>	<u>Fonetik</u>
/ɔʏti/	/ʏɔti/	[gɔti]
/ɔʏgɔ/	/ʏɔgɔ/	[gɔgɔ]
/ɔʏdik/	/ʏɔdik/	[gode?]
/ɔʏtɔ/	/ʏɔtɔ/	[gotɔ]

Untuk menghasilkan serta memperolehi bentuk fonetik tersebut, mengikut proses fonologi DNS ini, terlebih dahulu mengubah tempat atau kedudukan di antara segmen-segmen 'ɔ' dan 'ʏ'. Oleh kerana di dalam dialek ini tidak terdapat velar [ɣ] pada kedudukan awal kata di representasi fonetiknya, tetapi direalisasikan sebagai [g], maka diperolehi kata-kata seperti yang diberikan di bahagian representasi fonetiknya itu.

Rumus Metatesis

$$o\gamma \longrightarrow \gamma o$$

Apabila proses-proses fonologi tersebut telah terlaksana, baharulah proses afiksasi (pengimbuhan) boleh berlaku ke atas kata-kata tersebut. Dengan demikian, akan terhasillah kata-kata berikut:

/mɔŋ - gɔde?/	[mɔŋɔde?]	'mengherdik'
/mɔŋ - goti/	[mɔŋɔti]	'mengerti'
/bɔ - ɛɔgɔ/	[bɔgɔgɔ]	'berharga'
/bɔ - ɛɔtɔ/	[bɔgɔtɔ]	'berharta'
/tɔ - gɔde?/	[tɔgɔde?]	'terherdik'

Atur Rumus

		/oɣgɔ/	/oɣti/
i.	Metatesis	ɣɔgɔ	ɣɔti
ii.	ɣ → ɛ/# _	ɛɔgɔ	gɔti
iii.	Proses Morfologi	mɔŋ - ɛɔgɔ	mɔŋ - ɛɔti
iv.	ɛ → ø/mɔŋ _	mɔŋ - ɔgɔ	mɔŋ - ɔti
v.	Hasilnya	[mɔŋɔgɔ]	[mɔŋɔti]

Atur rumus (ii) dan (iv) wajib dilaksanakan kerana dalam dialek ini velar 'ŋ' tidak wujud di kedudukan awal kata pada representasi fonetiknya dan begitu fonem 'g' selepas nasal 'ŋ' kena digugurkan sebagaimana yang telah disentuh di dalam Bab 2. Perbincangan lanjut mengenainya akan dibuat ketika penulis membincangkan proses morfologi DNS. Oleh kerana seperti yang telah dinyatakan bahawa 'mo' di kedudukan awal kata adalah opsional, maka para penutur dialek ini berkecenderungan mengucapkan [mõŋõde?], [mõŋõgo], [mõŋõti] sebagai [ŋõde?], [ŋõgo] dan [ŋõti] sahaja.

4.1.4. Nasalisasi

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa terdapat dua jenis vokal dalam dialek ini: vokal utama dan vokal yang dihasilkan melalui proses nasalisasi. Oleh kerana vokal utama telahpun dibicarakan, maka dalam bahagian ini akan dihuraikan pula mengenai vokal-vokal yang dinasalkan.

Proses nasalisasi berlaku apabila udara yang keluar dari paru-paru dapat menembusi rongga hidung

dan pada waktu yang sama udara tadi dapat juga keluar melalui rongga mulut (Arbak Othman, 1980: 43). Keadaan ini terjadi kerana velik yang seharusnya menyekat pengaliran udara melalui hidung tidak dapat berbuat demikian dengan sepenuhnya. Oleh kerana itu terhasillah bunyi-bunyi vokal yang dinasalkan.

Dalam dialek ini, proses-proses nasalisasi biasanya berlaku ke atas bunyi-bunyi vokal yang didahului oleh bunyi-bunyi nasal. Berikut diberikan beberapa contoh yang menunjukkan berlakunya proses nasalisasi vokal yang didahului oleh segmen nasal.

/ŋaŋa/	[ŋãŋã]	'nganga'
/ŋaŋi/	[ŋãŋi]	'nyanyi'
/masin/	[mãsen]	'masin'
/mɔŋ-naik/	[mõnãẽ?]	'menaik'
/nasi/	[nãsi?]	'nasi'
/mɔŋ-jahit/	[mõŋãit]	'menjahit'
/pɔŋgalan/	[põŋõlan]	'galah'
/mɔŋ-kesot/	[mõŋẽsot]	'mengesot'

Dari korpus di atas didapati bahawa proses nasalisasi vokal bukan sahaja berlaku ke atas kata-kata akar atau

kata dasar, malah berlaku juga kata-kata akar yang telah menerima imbuhan $[mɔŋ]$ dan $[pɔŋ]$. Dalam hal ini, bunyi-bunyi nasal $[m, n, ŋ, ɲ]$ mempengaruhi bunyi vokal yang mengikutinya. Jika kata-kata akar yang berawalkan konsonan, biasanya konsonan itu akan gugur sebelum proses nasalisasi boleh berlaku.

Nasalisasi Vokal (i)

$$V \longrightarrow \tilde{V}/N _$$

(N ialah bunyi-bunyi nasal)

Di dalam proses nasalisasi yang berlaku dalam dialek ini, bukan setakat vokal yang mengikut segmen nasal sahaja yang mengalami nasalisasi, malah, segmen yang mengikut vokal yang dinasalkan juga mengalami proses yang sama. Perhatikan contoh:

/mahal/	$[māhā]$	'mahal'
/mayan/	$[māyāŋ]$	'mayang'
/mian/	$[mīyāŋ]$	'miang'
/maaf/	$[māʔāp]$	'maaf'
/mɔŋ-cuci/	$[mɔŋũci]$	'mencuci'
/mɔŋ-sewa/	$[mɔŋẽwɔ]$	'menyewa'

/moŋ - ʃomput/	[mɔ̃ŋʃomput]	'menjemput'
/poŋ - paŋge/	[pɔ̃maŋge]	'pemanggil'

Seharusnya dinyatakan bahawa kata dasar /sewa/ dan /cuci/ tidak dinasalkan kerana tidak terdapat pengaruh bunyi nasal melainkan setelah diimbuhkan dengan awalan [mɔ̃ŋ] atau [pɔ̃ŋ]. Dari contoh-contoh di atas didapati bahawa segmen-segmen lain seperti 'h', 'y', 'w' dan '?' juga dipengaruhi oleh proses nasalisasi vokal yang berlaku terdahulu daripada segmen-segmen ini. Dengan kata lain, proses nasalisasi yang sama juga berlaku juga ke atas segmen-segmen tersebut. Dengan demikian dapat dihasilkan rumus lain untuk proses nasalisasi jenis ini.

Nasalisasi Vokal (ii)

$$V \longrightarrow \tilde{V}/NV \left\{ \begin{array}{c} h \\ w \\ y \\ ? \end{array} \right\} -$$

Selain daripada dua bentuk nasalisasi yang diuraikan di atas, terdapat satu bentuk proses nasalisasi lagi yang juga berlaku dalam dialek ini. Dalam dialek ini, vokal yang mendahului segmen nasal juga

mengalami proses nasalisasi. Gejala ini berlaku khusus ke atas bunyi-bunyi vokal yang hadir di posisi awal kata.

Misalnya:

/ambil/	[ãmbɛʔ]	'ambil'
/ɔmaʔ/	[õmãʔ]	'emak'
/inai/	[ĩnãĩ]	'inai'
/ɔŋak/	[õŋãʔ]	'henyak'
/unta/	[ũntɔ]	'unta'

Berdasarkan contoh di atas, terhasil satu lagi rumus seperti berikut:

Nasalisasi Vokal (iii)

$$V \longrightarrow \tilde{V} / _ \# _ N$$

Di samping kata-kata yang mengalami proses nasalisasi tersebut, terdapat kata-kata tertentu dalam dialek ini yang mengalami proses yang sama. Contoh:

/saat/	[sãʔãt]	'saat'
/taat/	[tõʔõt]	'taat'

Kedua-dua kata tersebut dipercayai dipinjam daripada bahasa

Arab, 'ساعة' dan 'طاعة'. Dengan demikian, kata-kata pinjaman seumpama ini tidak tertakluk kepada mana-mana rumus nasalisasi yang telah diberikan di atas.

4.1.5. Palatalisasi dan Labialisasi

Mengikut dialek ini, proses palatalisasi biasanya berlaku apabila vokal tinggi depan [i] diikuti oleh sama ada vokal rendah [a], vokal [ɛ], vokal [o] mahupun vokal [ɔ]. Sementara itu, proses labialisasi pula berlaku apabila vokal tinggi belakang [u] diikuti oleh sebarang vokal yang lebih rendah daripadanya. Jika palatalisasi merupakan gejala mempalatalisasikan bunyi-bunyi yang bukan bunyi palatal, labialisasi pula adalah proses melabialisasikan bunyi-bunyi yang bukan bunyi labial.

Seperti yang telah dinyatakan bahawa fonologi dialek ini tidak membenarkan kewujudan urutan dua bunyi vokal sama ada dari jenis vokal yang sama mahupun tidak. Untuk mengelakkan gejala ini berlaku, maka akan diasimilasikan dengan satu bunyi lain. Dalam hal ini, bunyi palatal [y] akan diasimilasikan ke

seperti vokal 'i'

dalam bunyi antara [i] dan [a], [i] dan [ɛ],
[i] dan [o] dan antara [i] dan [ɔ]. Bunyi [w] ^{tersebut!}
pula disisipkan antara bunyi-bunyi [u] dan [ɛ], [u]
dan [a], juga antara [u] dan [ɔ]. Misalnya:

/miaŋ/	[mĩyãŋ]	'miang'
/siaŋ/	[siyãŋ]	'siang'
/sio/	[siyo]	'siul'
/siɔ/	[siyɔ]	'sia'
/tiɔŋ/	[tiyɔŋ]	'tiung'
/buɛʔ/	[buwɛʔ]	'buat'
/muaʔ/	[mũwãʔ]	'muak'
/duɔ/	[duwɔ]	'dua'
/siɛʔ/	[siyɛʔ]	'siat'
/tuɔ/	[tuwɔ]	'tua'
/tuaʔ/	[tuwaʔ]	'tuak'

Berdasarkan contoh tersebut, maka dapatlah dihasilkan
rumus:

Penyisipan - [y] (i)

$$\emptyset \longrightarrow y/i - \left\{ \begin{array}{c} a \\ \varepsilon \\ o \\ \text{ɔ} \end{array} \right\}$$

Penyisipan - $\lceil w \rceil$ (i)

$$\emptyset \longrightarrow w/u _ \left\{ \begin{array}{c} \varepsilon \\ a \\ \text{ɔ} \end{array} \right\}$$

Selain daripada itu, palatalisasi dan labialisasi juga berlaku ke atas kata-kata nominal yang dihasilkan melalui proses morfologi. Dengan kata lain, kata-kata akar juga mengalami proses yang sama apabila diimbuhkan dengan akhiran 'an' terutama kata akar dari jenis katakerja.

/judi-an/	$\lceil \text{judiyan} \rceil$	'judian'
/boli-an/	$\lceil \text{boliyan} \rceil^3$	'belian'
/bantu-an/	$\lceil \text{bantuwan} \rceil$	'bantuan'
/jagɔ-an/	$\lceil \text{jagɔwan} \rceil$	'jagaan'
/puko-an/	$\lceil \text{pukowan} \rceil$	'pukulan'

Proses palatalisasi bagi kata-kata $\lceil \text{judiyan} \rceil$ dan $\lceil \text{boliyan} \rceil$ adalah tertakluk kepada rumus palatalisasi di atas, cuma bagi proses labialisasi kena dihasilkan rumus lain:

Penyisipan - $\lceil w \rceil$ (ii)

$$\emptyset \longrightarrow w/ \left\{ \begin{array}{c} o \\ \text{ɔ} \end{array} \right\} _ a$$

Mengikut dialek ini, proses palatalisasi juga berlaku ke atas kata-kata akar yang berakhir dengan fonem 'h'. Untuk mempalatalisasikannya, 'h' terlebih dahulu digugurkan dan kemudian baharulah penyisipan [y] berlaku.

/abih-an/	[abiyan]	'habiskan'
/kasih-an/	[kosiyan]	'kasihan'
/ləbeh-an/	[ləbiyan]	'lebihan'

Atur Rumus:

	/kasih-an/	/ləbih-an/
i. pengguguran 'h'	kasi-an	ləbi-an
ii. $\begin{Bmatrix} a \\ e \end{Bmatrix} \longrightarrow \text{ɔ/\#K_}$	kosi-an	lobi-an
iii. penyisipan [y]	kosiyan	lobiyan
iv. Hasilnya	[kosiyan]	[ləbiyan]

Di samping itu, proses palatalisasi juga berlaku pada kata-kata akar yang berawalkan bunyi-bunyi vokal (kecuali bunyi vokal 'i')⁴ yang menerima imbuhan awalan 'di'. Perhatikan contoh:

/di-ambe?/	[diyambe?]	'diambil'
/di-ube?/	[diyube?]	diubat'

/di - amput/	[diyamput]	'dihamput'
/di - upah/	[diyupah]	'diupah'
/di - oncet/	[diyoncet]	'diansur'
/di - ompang/	[diyompan]	'diempang'
/di - elok?/	[diyelok?]	'dielok'
/di - elak?/	[diyelak?]	'dielak'

Berdasarkan korpus di atas, dapat dihasilkan satu lagi rumus mengenai penyisipan [y].

Penyisipan - [y] (ii)

$\emptyset \longrightarrow y/\# \text{ di } _ V$

[Rumus ini hanya terhad kepada kata-kata yang berawalkan vokal 'a', 'u', 'e', 'o']

4.1.6. Penyisipan Glotis

Dalam dialek ini, penyisipan hentian glotis [ʔ] hanya berlaku ke atas kata-kata yang dalam bentuk dasarnya berstruktur KVVK serta urutan vokal yang sama. Perhatikan contoh:

/maap/	[māʔāp]	'maaf'
--------	---------	--------

/taat/	[tɔʔāt]	'taat'
/saat/	[saʔāt]	'saat'
/suun/	[suʔon]	'suun'
/miin/	[miʔĩn]	'bodoh'

Oleh kerana kebanyakan kata yang ditonjolkan di atas dipercayai kata-kata pinjaman, maka agak sukar untuk dihasilkan rumus penyisipan glotal mengenainya.

4.2. Proses-Proses Morfologi

Morfem dan kata adalah merupakan unit-unit morfologi. Justru itu, dalam bahagian ini akan dibincangkan bagaimana morfem-morfem terikat diimbuhkan pada kata-kata akar bagi membentuk kata-kata yang lebih 'luas' dan 'kompleks'. Kata-kata juga boleh diulangi penyebutannya bagi menerbitkan kata-kata berganda.

Malah, dalam dialek ini setengah-setengah kata boleh pula dibentuk melalui proses pemendekan atau penghilangan sukukata. Jadi, di bahagian ini perbincangan hanya menyangkut proses-proses afiksasi, reduplikasi dan proses pemendekan kata.

4.2.1. Afiksasi (Pengimbuhan)

Afiksasi atau pengimbuhan adalah suatu proses morfologi di mana sesuatu kata akar boleh 'diperluaskan' lagi dengan mencantumkan dengan morfem-morfem terikat yang sesuai. Walaupun dalam dialek ini terdapat beberapa bentuk morfem terikat (lihat Bab 3), namun di dalam membicarakan proses pengimbuhan, cuma morfem-morfem terikat mōN 'meN' dan pōN 'peN' sahaja yang akan disentuh. Ini adalah kerana kedua-duanya agak produktif penggunaannya dalam dialek ini.

Morfem terikat mōN digunakan pada bentuk katakerja aktif, manakala pōN pula digunakan pada kata-kata dari jenis katakerja atau adjektif bagi menerbitkan kata-kata nominal bagi menunjukkan sama ada pelaku, alat mahupun tabiat atau perangai.

Di dalam kajian ini, penulis dapati bahawa dalam kebanyakan katakerja aktif yang menggunakan imbuhan mōN terutama kata-kata yang berawalkan bunyi-bunyi vokal dan juga konsonan-konsonan 'k' dan 'g', bunyi nasal velar [ŋ] imbuhan tersebut dikekalkan. Perhatikan

contoh:

/mɔŋ -ambe?/	[ŋ̃ambe?]	'mengambil'
/mɔŋ -abih/	[ŋ̃abih]	'menghabiskan'
/mɔŋ -ubɛ?/	[ŋ̃ubɛ?]	'mengubatkan'
/mɔŋ -iday/	[ŋ̃iday]	'menghidangkan'
/mɔŋ -ɛla?/	[ŋ̃ɛla?]	'mengelak'
/mɔŋ -gali/	[ŋ̃ali]	'menggali'
/mɔŋ -kɔci?/	[ŋ̃ɔci?]	'mengecilkan'

Daripada beberapa contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa nasal [ŋ̃] pada imbuhan [mɔŋ] didapati dikekalkan dan pada waktu yang sama [mɔ] digugurkan. Seharusnya dinyatakan bahawa imbuhan 'mɔ' sebenarnya opsional. Penulis beranggapan demikian kerana 'mɔ' memang wujud pada bentuk dasar dan juga pada bentuk permukaannya. Ini jelas didapati pada kata pergandaan seperti berikut:

/puko - mɔŋ - puko/	[puko-m̃m̃uko]
/katɔ - mɔŋ - katɔ/	[katɔ-m̃ŋ̃atɔ]
/use? - mɔŋ - use?/	[use?-m̃ŋ̃use?]

Bagi kata-kata akar yang berawalkan fonem 'h', proses pengimbuhan sama seperti yang berlaku ke atas kata-kata yang berawal dengan fonem vokal.

Ini adalah kerana 'h' di kedudukan awal kata tidak direalisasikan dalam dialek ini. Begitu juga dengan kata-kata yang berawalkan fonem-fonem 'k' dan 'g'. Apabila kata-kata seperti ini diimbuhkan dengan awalan [mɔŋ], maka 'k' dan 'g' digugurkan. Penulis beranggapan bahawa gejala ini timbul kerana dialek ini tidak membenarkan kewujudan gugusan konsonan dari daerah artikulasi yang sama. Oleh kerana itu kita perolehi kata-kata berikut:

/mɔŋ - gabɔ/	[mɔŋgābɔ] atau [ŋābɔ]
/mɔŋ - kobɔʔ/	[mɔŋōbɔʔ] atau [ŋōbɔʔ]
/mɔŋ - gaʔut/	[mɔŋāʔut] atau [ŋāʔut]
/mɔŋ - kaʔut/	[mɔŋāʔut] atau [ŋāʔut]

Walaupun [kaʔut] dan [gaʔut] apabila diimbuhkan dengan [mɔŋ] menghasilkan kata yang sama, [mɔŋāʔut], bagi para penutur dialek ini, hal seperti ini tidak menimbulkan masalah kerana 'konsep' sebenar dapat ditanggap apabila kata-kata ini digunakan dalam ayat atau kalimat.

Prefiksa [mɔŋ] apabila diimbuhkan dengan bunyi-bunyi plosif [p, b, t, d] akan menghasilkan katakerja aktif seperti berikut:

/mɔŋ - puləh/	[mɔŋmūləh]	'memulas'
---------------	------------	-----------

/mɔŋ - bacɔ/	[mɔ̃mãcɔ]	'membaca'
/mɔŋ - puko/	[mɔ̃mũko]	'memukul'
/mɔŋ - bilah/	[mɔ̃mĩlah]	'membilas'
/mɔŋ - dapɛ?/	[mɔ̃nãpɛ?]	'mendapat(kan)'
/mɔŋ - data/	[mɔ̃nãta]	'mendatar'

Daripada data di atas didapati bahawa kata-kata akar yang berawalkan plosif [p, b, t, d] apabila diimbuhkan dengan awalan [mɔŋ], masing-masing akan mengubahkan nasal 'ŋ' kepada 'm' dan 'n', iaitu bunyi yang sesuai dan hormoganik dengannya. Imbuhan 'mɔ' pada awal kata ini ada opsional, iaitu sama seperti plosif [k, g].

Apabila kata-kata akar yang berawalkan [c, ʃ, s] diimbuhkan dengan [mɔŋ], maka nasal 'ŋ' akan berubah menjadi nasal palatal 'ɲ'. Misalnya:

/mɔŋ - cuʃi?/	[mɔ̃ɲũʃi?]	'mencuri'
/mɔŋ - cabut/	[mɔ̃ɲãbut]	'mencabut'
/mɔŋ - ʃalo/	[mɔ̃ɲãlɔ]	'menjala'
/mɔŋ - ʃɔlɔ?/	[mɔ̃ɲũɔlɔ?]	'menjolok'
/mɔŋ - suci/	[mɔ̃ɲũci]	'menyuci'
/mɔŋ - cuci/	[mɔ̃ɲũci]	'mencuci'

Kata-kata akar yang berawalkan konsonan 'l' dan 'g' akan mengubah awalan [mɔŋ] dan dengan sendirinya menggugurkan nasal velar 'ŋ' menjadikannya 'mɔ' sahaja. Contoh:

/mɔŋ - laŋit/	[mɔ̃laŋit]	'melangit'
/mɔŋ - luŋah/	[mɔ̃luŋah]	'menghancurkan'
/mɔŋ - wake/	[mɔ̃wake]	'mewakilkkan'

Keadaan yang demikian juga berlaku apabila 'mɔŋ' diimbuhkan dengan kata-kata akar yang berawalkan bunyi-bunyi nasal seperti berikut:

/mɔŋ - ŋaŋi/	[mɔ̃ŋãŋi]	'menyanyi'
/mɔŋ - ŋaŋɔ/	[mɔ̃ŋãŋɔ]	'menganga'
/mɔŋ - nikaŋ/	[mɔ̃nikãŋ]	'menikah'
/mɔŋ - masa?/	[mɔ̃mãsa?]	'memasak'

Dalam hal ini, agak susah juga hendak ditentukan kata-kata dasarnya. Bagaimanapun, para penutur dialek ini dapat membezakan antara [mɔ̃mãsa?] yang bererti 'memasak atau bertanak nasi' dengan [mɔ̃mãsa?] yang bererti 'membubuh pasak'.⁶ Oleh itu, peranan sintaksis penting bagi menentukan konsep atau maksud sesuatu kata itu.

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa 'mɔŋ' apabila diimbuhkan dengan kata-kata yang monosilabik dan berstruktur KVK tidak mengubah atau mempengaruhi konsonan awal kata-kata berkenaan.

/mɔŋ - cat/	[mɔ̃ŋcat]	'mengecat'
/mɔŋ - lap /	[mɔ̃ŋlap]	'mengelap'
/mɔŋ - bom/	[mɔ̃ŋbom]	'mengebom'

Namun demikian, ada juga di antara penuturnya yang menyisipkan vokal 'o' menjadikannya sebagai [mɔ̃ŋɔcat], [mɔ̃ŋɔlap], [mɔ̃ŋɔbom], [mɔ̃ŋɔpen] 'mengepin' dan sebagainya. Walaupun begitu, penulis berpendapat bahawa kata-kata monosilabik seperti ini lebih sesuai tanpa penyisipan 'o'. Ini adalah kerana terdapat kata-kata yang pendek-pendek dan ini akan diperjelaskan lagi dalam ceraian 4.2.3.

Daripada perbincangan mengenai 'mɔŋ' jelas menunjukkan bahawa fonem-fonem awal, kecuali kata akar yang berawalkan vokal, akan gugur apabila diimbuhkan dengan awalan [mɔŋ], dan proses perubahannya dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

$$1. (i) \eta \longrightarrow \eta / - \begin{matrix} v \\ \text{stem} \end{matrix}$$

$$(ii) \eta \longrightarrow \eta / - \begin{Bmatrix} k \\ g \end{Bmatrix}$$

$$2. \eta \longrightarrow n / - \begin{Bmatrix} d \\ t \end{Bmatrix}$$

$$3. \eta \longrightarrow \eta / - \begin{Bmatrix} s \\ c \\ j \end{Bmatrix}$$

$$4. \eta \longrightarrow m / - \begin{Bmatrix} p \\ b \end{Bmatrix}$$

$$5. \eta \longrightarrow \emptyset / - \begin{Bmatrix} m \\ l \\ n \\ \eta \end{Bmatrix}$$

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa awalan $\text{[po}\eta\text{]}$ digunakan bagi menerbitkan katanama sama ada bagi menunjukkan pelaku, alat, ataupun tabiat. Seperti juga $\text{[mo}\eta\text{]}$, dalam banyak hal, abstrak 'N' adalah direalisasikan sebagai nasal velar 'ŋ'. Dengan demikian, penulis beranggapan bahawa 'poN' mempunyai bentuk dasar sebagai 'poŋ'. Proses pengimbuhan-annya adalah sama seperti proses yang berlaku ke atas

awalam 'mɔŋ' yang telah dibincangkan. Oleh yang demikian, kita perolehi kata-kata seperti berikut:

a) [pɔŋ] diimbuhkan dengan kata-akar berawalkan vokal:

/pɔŋ - ato/	[pɔŋ [~] ato]	'pengatur'
/pɔŋ - ikɛʔ/	[pɔŋ [~] ikɛʔ]	'pengikat'
/pɔŋ - uko/	[pɔŋ [~] uko]	'pengukur'
/pɔŋ - ɛlat/	[pɔŋ [~] ɛlat]	'penipu'
/pɔŋ - ɛlɔʔ/	[pɔŋ [~] ɛlɔʔ]	'pengelok'

b) [pɔŋ] diimbuhkan dengan plosif [b, p, t, d, k, g]:

/pɔŋ - pakai/	[pɔmbakai]	'pemakai'
/pɔŋ - bohɔŋ/	[pɔmbɔhɔŋ]	'pembongong'
/pɔŋ - tuai/	[pɔntu [~] wai]	'penuai'
/pɔŋ - dapɛʔ/	[pɔndapɛʔ]	'pendapat'
/pɔŋ - kɔŋɛŋ/	[pɔŋ [~] ɔŋɛŋ]	'pengering'
/pɔŋ - gali/	[pɔŋ [~] ali]	'penggali'

c) [pɔŋ] diimbuhkan dengan [c, ʃ, s]:

/pɔŋ - cuŋiʔ/	[pɔŋ [~] uŋiʔ]	'pencuri'
/pɔŋ - ʃamin/	[pɔŋ [~] amin]	'penjamin'
/pɔŋ - sayan/	[pɔŋ [~] ayan]	'penyayang'

Daripada korpus mengenai pengimbuhan [pɔŋ] jelas menunjukkan bahawa kesemua konsonan aawal pada kata akar (kecuali 'm', 'ŋ' dan 'c') digugurkan. Proses ini sama keadaannya dengan proses pengimbuhan 'mɔŋ' yang telah dibincangkan.

Atur Rumus: 'mɔŋ' dan 'pɔŋ'

	/gali/	/basoh/
i. Imbuhkan dengan 'pɔŋ' dan 'mɔŋ'	pɔŋ - gali mɔŋ - gali	pɔŋ - basoh mɔŋ - basoh
ii. Pengguguran 'g' dan 'b'	pɔŋ - ali mɔŋ - ali	pɔŋ - asoh mɔŋ - asoh
iii. Hasilnya	[pɔŋ̃ali] [mɔŋ̃ali]	[pɔm̃asoh] [mɔm̃asoh]

4.2.2. Reduplikasi (Pergandaan)

Pada umumnya, pergandaan melibatkan suatu proses di mana kata akar atau sebahagian daripada kata akar diulangkan penyebutannya. Biasanya bahagian kata akar yang diulangkan penyebutannya itu adalah monosilabik. Misalnya:

	[buda?-buda?]
/buda?/	[bo -buda?]
	[da?-buda?]
	[anãĩ-anãĩ]
/anai/	[nãĩ-anãĩ]
	[ɔnto?-ɔnto?]
/ɔnto?/	[to?-ɔnto?]
	[soma?-samũ]
/soma?/	[soma?-soma?]
	[so -soma?]
	[poputeh]
/puteh/	[puteh-mõlopa?]

Berdasarkan beberapa contoh pergandaan yang diberikan, maka pergandaan di dalam dialek ini dapat dipecahkan kepada beberapa bentuk. Bentuk pertama melibatkan proses pengambilan sukukata awal pada kata akar dan diulangi penyebutannya pada akar kata tersebut.

/kana?/	[ko-kana?]
/meʎah/	[mõ-mẽʎah]
/tupai/	[to-tupai]

Proses pergandaan mengikut bentuk pertama ini boleh dihasilkan melalui rumus:

$$\emptyset \longrightarrow \text{C/}\#K - \overline{[\text{stem}]}$$

[K ialah konsonan awal kata akar]

2. Bentuk kedua melibatkan pengambilan sukukata kedua pada akar kata dan diulangkan penyebutannya di dalam kata akar atau kata dasar, seperti:

/buda?/	[da?-buda?]
/anai/	[nāi-ānāi]
/itam/	[tam-itam]

Oleh kerana fonem 'h' di awal kata tidak pernah diucapkan di dalam dialek ini, maka kata akar /hitam/ diucapkan sebagai [itam]. Dengan demikian, diperolehi kata bergandanya sebagai [tam-itam] dan akan diucapkan sebagai [tamitam].

3. Bentuk ketiga pula ialah dengan mengulangi keseluruhan kata akar seperti:

/gamai/	[gamāi-gamāi]
/ɔʎaŋ/	[ɔʎaŋ-ɔʎaŋ]

Menurut Abdullah Hassan (1974: 45), ketiga-tiga bentuk pergandaan tersebut dinamai pergandaan sebenar sebagaimana katanya:

In reduplicatin proper, the
process of reduplication may
be partial or full.

u. Bentuk selanjutnya melibatkan proses pengulangan sukukata awal pada kata akar dalam 'pergandaan' tersebut, seperti:

/bukit/	[bukit-bukau]
/solaj/	[solaj-soli]
/simpaj/	[simpaj-siyo]

Bador (1964) menamai bentuk ini sebagai rhyming (Abdullah Hassan, 1974: 46). Bentuk lain yang terdapat dalam dialek ini ialah bentuk yang dinamai oleh Bador (1964) sebagai chiming. Pergandaan begini berlaku jika keseluruhan konsonan pada kata akar diulangi penyebutannya, dan hanya vokalnya sahaja yang berubah. Contoh:

/kumɛʔ/	[kumɛʔ-kamit]
/gopoh/	[gopoh-gapah]

Bagaimanapun, terdapat juga bentuk pergandaan yang

3 melibatkan perubahan langsung kepada kata akar, seperti:

/puteh/	[puteh-m [~] lopa?]
/itam/	[itam-logam]
/ipa/	[ipa-lamai]
/montuo/	[m [~] ontuwo-tayo]

Di samping beberapa bentuk pergandaan yang telah diuraikan di atas, terdapat satu bentuk lain yang penulis namai sebagai pergandaan setentang. Misalnya:

[kulu-kule]	'ke hulu ke hilir'
[huj ^o oy-pajka]	'hujung-pangkal'
[tu ^o on-na [~] ?	'turun-naik'
[kaki-ta [~] jan]	'kaki-tangan'

4.2.3. Proses Pemendekan Kata

Satu perkara lagi yang agak aneh berlaku dalam dialek ini ialah terdapatnya unsur-unsur pemendekan kata. Proses ini dilakukan sama ada melalui penghilangan, yakni pengguguran fonem ataupun sukukata khususnya sukukata pertama perkataan berkenaan.

/ko-eteh/	[keteh]	'ke atas'
-----------	---------	-----------

/kɔ - ulu/	[kulu]	'ke hulu'
/kɔ - ile/	[kile]	'ke hilir'
/tida? apo/	[taʔpɔ]	'tidak apa'
/tida? ado/	[taʔdɔ]	'tidak ada'
/apo namɔɛ/	[(a)pɔm̃ɛ]	'apa namanya'
/datan/	[tan]	'datang'
/dokɛ?/	[kɛ?]	'dekat'
/manɔ/	[nɔ]	'mana'
/macam manɔ/	[camnɔ]	'macam mana'
/poi/	[pi]	'pergi'
/tadi/	[di]	'di'

Malah, nama-nama orang juga mengalami proses yang sama:

[ismael]	menjadi	[m̃ɛ]	'Ismail'
[uʔan]	menjadi	[ʔan]	'Ujang'
[atan]	menjadi	[tan]	'Atan'
[hasnah]	menjadi	[ñah]	'Hasnah'
[aminah]	menjadi	[m̃ñah] [ñah]	atau 'Aminah'

Supaya lebih jelas, ada baiknya diberikan contoh ayat tentang cara pemakaian 'kata-kata pendek' tersebut.

[taŋ nō mǎẽ tu mǎ?]]

'Emak, Ismail datang dari mana'

[pi manō di tu] atau [pi nō di tu]

'Pergi ke mana tadi'

[taʔdo li doh]

'Sudah tidak ada lagi'

[taʔdo, doʔ-dudo? yō hǎ]

'Tidak ada apa-apa, duduk-duduk saja'

Mungkin bagi mereka yang baru mengenali dan mendengari dialek ini akan mengalami kesukaran di dalam memahaminya. Ini adalah kerana wujudnya proses pemendekan kata dalam dialek ini. Penulis percaya, apabila sudah biasa, maka akan senang, malah seronok pula mempelajarinya.

4.3. Morfofonemik

Dalam bahagian ini akan dibincangkan khusus mengenai imbuhan awalan [tɔ] 'ter' dan [bɔ] dialek ini. Apabila kedua-dua imbuhan ini diimbuhkan dengan kata-kata akar yang berawalkan bunyi-bunyi vokal, di samping mengekalkan bentuk akar atau dasarnya, terdapat

juga proses penyisipan plosif velar 'g' berlaku, seperti:

/tɔ - ambe?/	[tɔgambe?]	'terambil'
/tɔ - intai/	[tɔgintai]	'terintai'
/bɔ - amɔ?/	[bɔgamɔ?]	'bergaduh'
/bɔ - intai/	[bɔgintai]	'berintai'
/tɔ - upah/	[tɔgupah]	'terupah'
/bɔ - upah/	[bɔgupah]	'berupah'
/tɔ - ɛla?/	[tɔgɛla?]	'terelak'
/bɔ - ɛlɔ?/	[bɔgɛlɔ?]	'berelok'
/tɔ - ɔmpɛh/	[tɔgɔmpɛh]	'terhempas'
/bɔ - ɔʔaŋ/	[bɔgɔʔaŋ]	'berorang'

Rumus Penyisipan - [g]

$$\emptyset \longrightarrow g \left/ \begin{Bmatrix} t \\ b \end{Bmatrix} \right. - \begin{matrix} v \\ \text{stem} \end{matrix}$$

4.4. Kesimpulan

Dalam bahagian ini, penulis telah membicarakan mengenai proses-proses fonologi dan morfologi dialek ini. Selain daripada itu, telah dihuraikan juga mengenai proses morfofonemik dialek ini. Perbincangan

yang telah dibuat ini dapat dianggap sebagai suatu usaha awal ke arah pengkajian yang lebih lanjut mengenainya. Walau bagaimanapun, perbincangan telah tertumpu kepada proses pengguguran dan penyisipan 'O', nasalisasi vokal, proses-proses palatalisasi dan labialisasi serta juga penyisipan glotal [ʔ]. Bahagian morfofonemik pula, telah disentuh mengenai afiksasi, reduplikasi, dan proses pemendekan dan penghilangan sukukata. Di bahagian akhir bab ini pula telah dibincangkan serba sedikit mengenai proses morfofonemik yang wujud di dalam dialek ini serta rumus mengenai proses berkenaan.

NOTA

1. Mengikut dialek ini, frasa 'ke atas' boleh diucapkan sengan dua cara, iaitu [kətəh] ataupun [kətəh].
2. Metatesis ialah proses perubahan kedudukan antara dua segmen (Schane, 1973: 56). Sebenarnya, ada satu bentuk lagi mengenai metatesis dalam dialek ini, iaitu perubahan kedudukan antara fonem-fonem 'a' dan 'l'. Misalnya, /almaʔi/ dalam dialek ini diucapkan sebagai [lomaʔi]. Fonem 'l' bertukar kedudukan dengan fonem 'a'. Kemudian barulah fonem 'a' berubah atau direalisasikan sebagai fonem 'o'. Ini memang lumrah dalam dialek ini, 'a' selepas konsonan di awal kata direalisasikan sebagai 'o'. Lihat Bab 2.
3. Para penutur dialek ini dapat membezakan antara [bɔliyan] 'belian' dengan [bɔliyan] 'berlian'. Masalah dari segi makna tidak timbul kerana dapat ditanggap melalui penggunaannya dalam kalimat.
4. Kata-kata akar yang berawalkan vokal 'i', apabila diimbuhkan dengan awalan 'di', maka satu 'i' kena digugurkan secara wajib bagi mengelakkan kehadiran dua bunyi yang sama berdekatan. Lihat Bab 3 serta akan ceraian 5.3.1.1.
5. Kata-kata akar 'suci' dan 'cuci' menghasilkan katakerja yang sama apabila diimbuhkan dengan 'moŋ', iaitu [mɔŋuci]. Begitu juga dengan kata-kata [kaʔut] dan [gaʔut] masing-masing menjadi [mɔŋaʔut] apabila menerima imbuhan 'moŋ'. Untuk tidak mengelirukan, peranan sintaksis adalah penting.

6. Ada di antara para penutur dialek ini mengistilahkan 'beras' sebagai 'pasak'. Jadi, apabila mereka hendak membeli 'beras', mereka gunakan/katakan 'membeli pasak'. Jadi, apakah 'memasak' itu mempunyai bentuk dasar 'masak' atau 'pasak', kerana kata-kata yang berawalkan sama ada 'm' atau 'p' akan menjadi [mɔm] apabila diimbuhkan dengan awalan [mɔŋ].
7. Kata [pɔŋali] dalam dialek ini boleh membawa dua erti, iaitu sama ada 'pelaku' ataupun 'alat'.


Lampiran i

Jadual Bilangan Penduduk Daerah Rembau Mengikut Mukim
Mengikut Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980

Luas Daerah Rembau = 101,670 ekar

Bil.	Nama Mukim	Jum. Penduduk		Jum. Besar Penduduk
		Lelaki	Perempuan	
1.	Batu Hampar	850	1015	1865
2.	Bongek	692	805	1497
3.	Chembung	2428	2614	5042
4.	Chengkau	904	927	1831
5.	Gadung	2536	2636	5172
6.	Kundur	782	886	1668
7.	Legung Hilir	736	887	1623
8.	Legung Hulu	374	439	813
9.	Miku	83	89	172
10.	Nerasau	861	1037	1898
11.	Pedas	2575	2444	5019
12.	Pilin	617	667	1284
13.	Selemak	1454	1721	3175
14.	Semerbuk	392	410	802
15.	Sepri	664	824	1488
16.	Tanjung Keling	919	1088	2007
17.	Titian Bintangur	2083	2269	4352
Jumlah Besar Penduduk Rembau		18950	20758	39708

PETA NEGERI SEMBILAN



NEGRI SEMBILAN

REFERENCE

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 MILES

STATE BOUNDARY


RAILWAYS

ROADS



Peta Negeri Sembilan yang menunjukkan pecahan daerah-daerahnya. Kawasan kajian ialah daerah REMBAU - Kawasan yang bertanda tebal

Lampiran iv



Peta daerah Rembau yang menunjukkan sempadan antara mukim-mukim. Kawasan kajian ialah Mukim Tanjung Keling iaitu kawasan yang berlorek tebal.

B I B L I O G R A F I

BUKU-BUKU

Abd. Samad Idris (Tan Sri), 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

_____, 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas Negeri.

Abdullah Hassan, 1974. The Morphology of Malay. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____ (ed.), 1978. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pajar Bakti.

Abercrombie, David, 1967. Elements of General Phonetics. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Arbak Othman, 1980. Ilmu Linguistik. Kuala Lumpur: Pustaka Pengarang.

Asmah Hj. Omar, 1973. Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Pola Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1977. Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- _____, 1979. Pengimbuhan Dalam Bahasa Makassar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1980b. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ayatroheidi, 1979. Dialektology: Sebuah Pengantar. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloch and Trager, 1942. Outline of Linguistics Analysis. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1935. Language. London: George Allen & Unwin.
- Brandstetter, R., 1957. Hal Bunyi Dalam Bahasa-Bahasa Indonesia. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Brown, C.C., 1956. Studies In Country Malay. London: Luzac & Co. Ltd.
- Chomsky, N. and Halle, M., 1968. The Sound Pattern of English. New York: Harper & Row.
- Farid M. Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hendon, Rufus S., 1959. Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay. Tesis PhD. University Yale, USA.
- Hockett, C.F., 1958. A Course in Modern Linguistics. New York: Mc Millan & Co.
- Jones, D., 1956. An Outline of English Phonetics. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.

- Ladefoged, Peter, 1975. A Course In Phonetics.
USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Lutfi Abas, 1975. Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. Aspek Bahasa dan Pengajaran. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mees, C.A., 1967. Ilmu Perbandingan Bahasa-Austronesia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nida, A.E., 1963. Morphology: The Descriptive Analysis of Words (2nd. ed.). An Arbor: University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, 1981. Beberapa Persoalan Linguistik Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1978. Bahasa Malaysia Syntax. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin b Raja Mohd Dain, 1979/1980. Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Samsuri, 1972. Bahasa dan Ilmu Bahasa dan Fonologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schane, Sanford A., 1973. Generative Phonology. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Singh, Sadanand and Singh, Kala S., 1976. Phonetics: Principles and Practices. Baltimore: University Park Press.
- Trubetzkoy, N.S., 1971. Principles of Phonology. Berkeley: University of California Press.

inal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965a. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1965b. Pelita Bahasa Melayu 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

RTIKEL-ARTIKEL

Bakar Hamid, 1964. "Tinjauan Sepintas Lalu Tentang Fonologi," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 3, Mac.

_____, 1964. "Morfologi: Satu Keterangan Ringkas," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 4, April.

Abd Hamid Mahmood, 1982. "Morfologi Dialek Kelantan," Dewan Bahasa. Jld. 26, Bil. 8/9, Ogos/September.

Asmah Hj. Omar, 1980a. "The Kedah Dialek: Its Distribution, Development and Role In The Kedah Speech Community," Darulaman: Essays on Linguistics, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysia State of Kedah. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Collins, James T., 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan," Dewan Bahasa. Jld. 25, Bil. 12, Disember.

arid M. Onn, 1980a. "Perubahan Bahasa dari Kajian Dialek; Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 8, Ogos.

I Hassan Mohd Ali, 1963. "Sedikit Mengenai Penambahan," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 4, April.

Ismail Hussein, 1973. "The Malay Dialect in The Peninsula," Nusantara. Bil. 3, Januari.

Kamaruzaman Yahya, 1963. "Pelat Bahasa dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 5, Mei, dan Bil. 6, Jun, serta Bil. 7, Julai.

Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980. "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka, (Bahagian 1 dan 2)," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 10, Oktober, dan Bil. 11, November.

Sharman Abu, 1973. "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. XVII, Bil. 12, Disember.

_____, 1974. "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. 18, Bil. 6, Jun.

Wolfram, Walter A., 1966. "Linguistic Correlation of Social Differences in the Negro Community," Monograph Series of Languages and Linguistic, Report on the Twentieth Annual Round Table Meeting On Linguistic and Language Studies. Georgetown University Press, 22 November.

LATIHAN ILMIAH

Alias Hamid, 1979/1980. Dialek Bahasa Melayu Melaka: Satu Tinjauan Perbandingan. IBKKM.

Mastura @ Mispura Anuar, 1978/1979. Aspek Fonologi dan Morfologi Dialek Melayu Sarawak: Satu Kajian Preliminari. IBKKM.

Naseh Hassan, 1980/1981. Fonologi Sub-Dialek Terengganu: Kajian Kes Di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu. Jabatan Persuratan Melayu.

Zuraidah Zulkeflee, 1981/1982. Pengaruh Dialek Negeri Sembilan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard Di Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes Di Tampin. Jabatan Persuratan Melayu.

Tambahan

Pie, Mario and Graynov, Frank, 1960. A Dictionary of Linguistics. London: Peter Qwen.

Rembau: Daerah Kecil Berjiwa Besar. Seremban: Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, 1982.